

30/06/2003

Saintis Melayu digalakkan majukan Lembah Bio

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kerajaan menggalakkan pembabitan lebih ramai saintis Melayu

dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) projek Lembah Bio memandangkan hampir 80 peratus daripada mereka kini sudah pun menceburi bidang R&D teknologi utama, seperti sains angkasa dan sains marin.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak berkata, bangsa Melayu harus

menguasai perkembangan terkini dengan menghasilkan tenaga pemikir atau penyelidik bidang sains dan teknologi bagi meneroka pelbagai penemuan baru

jika mahu memastikan kesinambungan daya saing pada peringkat antarabangsa.

"Kerajaan sudah memperuntukkan 0.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk R&D dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan

kita menetapkan sasaran meningkatkan kadar ini kepada dua peratus secara berperingkat pada masa depan.

"Pada masa sama pelbagai prasarana R&D selain Lembah Bio sudah disediakan untuk dimanfaatkan pakar sains tempatan, khususnya di kalangan

saintis Melayu sebagai pemangkin R&D flora dan fauna negara, selain bidang

kepakaran lain seperti teknologi pertahanan.

"Dalam dunia masa kini, penguasaan pengetahuan sains dan teknologi bermakna negara mempunyai kelebihan daya saing pada peringkat antarabangsa, yakni satu peralihan daripada kuasa ketenteraan atau politik," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup Kongres Kebangsaan Sains dan Teknologi Melayu Kedua, di Hotel Pan Pacific Glenmarie Resort, di sini semalam.

Kongres tiga hari itu dianjurkan Pusat Penggalakan Keintelektualan dan Kemajuan Teknologi (Cipta) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Sirim Berhad serta ditaja DRB-Hicom.

Hadir sama Penasihat Cipta, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid; Pengerusi Cipta, Datuk Zein Isma Ismail; Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan

Sri Dr Mohd Saleh Sulong dan Presiden Sirim Berhad merangkap panel penasihat Cipta, Datuk Dr Mohd Ariffin Aton.

Pada majlis sama, Ahmad Sarji menyerahkan rumusan persidangan merangkumi

51 usul kepada Najib yang juga Naib Presiden Umno untuk diserahkan kepada

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi.

Antara lain, usul ke-15 mencadangkan kelompok perintis saintis Melayu dalam projek Lembah Bio dibenar meneruskan kerja R&D bagi memastikan kesinambungan sumbangan mereka tidak terjejas.

Tiga kumpulan saintis terbabit ialah Institut Genomik dan Molekular

Biologi Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Agro Bioteknologi Kebangsaan Mardi serta Institut Bioteknologi Neutrasedutikal dan Farmasedutikal Universiti Putra Malaysia.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata R&D era pasca genomik tidak wajar terhad kepada bioteknologi, proteomik, genomik dan bioinformatik saja, sebaliknya bidang senjata biologi yang dikatakan mampu memusnahkan sesuatu bangsa yang mempunyai kod baka tertentu juga wajar dikaji selidik.

Katanya, ilmu senjata biologi seumpama itu wajar dikuasai sebagai pertahanan untuk menghadapi serangan seumpama itu kerana berdasarkan perkembangan sains dan teknologi terkini, ia tidak mustahil digunakan sebagai satu bentuk bio keganasan era baru.

Dalam perkembangan lain, Najib menjelaskan pengguguran Fasal 29 dalam Undang-Undang Latihan Khidmat Negara 2003, iaitu penalti tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya terhadap sesiapa yang menghasut orang ramai supaya tidak menyertai program itu tidak bermakna tiada tindakan diambil terhadap penghasut.

Katanya, masyarakat wajar menerima khidmat negara sebagai yang positif dan tidak perlu dipaksa tetapi jika ada yang menghasut, kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan menggunakan undang-undang lain, seperti Akta Hasutan.